

**TERMA DAN SYARAT**  
**CABUTAN WOW! SIMPAN SSPN 2024**

**KEMPEN**

1. Kempen Cabutan WOW! Simpan SSPN 2024 kembali lagi dengan tawaran pelbagai kategori cabutan dan hadiah lumayan dengan jumlah keseluruhan bernilai lebih **RM1.3 juta** untuk dimenangi oleh **983 orang pemenang**.
2. Kempen ini adalah sebagai tanda penghargaan PTPTN kepada rakyat Malaysia kerana memilih Simpan SSPN sebagai pilihan utama untuk simpanan. Terdapat enam (6) cabutan untuk disertai oleh semua pendeposit:-
  - a) WOW! Gong Xi Ang Pow
  - b) WOW! Syoknya Raya
  - c) WOW! Kasih
  - d) WOW! Merdeka
  - e) WOW! Superheroes
  - f) Cabutan WOW! Tahunan

**TEMPOH KEMPEN**

3. Tempoh kempen dan tempoh pengekaln adalah seperti berikut:-

Kategori	Cabutan	Tempoh Kempen	Tempoh Pengekalan
Cabutan Siri	WOW! Gong Xi Ang Pow	1 Januari – 29 Februari 2024	1 – 31 Mac 2024
	WOW! Syoknya Raya	1 Mac – 30 April 2024	1 – 31 Mei 2024
	WOW! Kasih	1 Mei – 30 Jun 2024	1 – 31 Julai 2024
	WOW! Merdeka	1 Julai – 31 Ogos 2024	1 – 30 September 2024
	WOW! Superheroes	1 September – 31 Oktober 2024	1 – 30 November 2024
Cabutan WOW! Tahunan		1 Januari – 31 Disember 2024	Tiada

4. Pendeposit **tidak boleh membuat pengeluaran dan/ atau pindahan simpanan** semasa **tempoh pengekaln daripada mana-mana akaun yang didepositkan dalam tempoh kempen untuk melayakkan cabutan**.
5. PTPTN mempunyai hak mutlak untuk menukar atau meminda tempoh kempen ini dengan memberikan notis yang secukupnya dalam tempoh tidak kurang daripada empat belas (14) hari sebelum tarikh pertukaran atau pindaan tersebut melalui pemberitahuan dalam laman web rasmi PTPTN, media elektronik atau paparan notis di cawangan-cawangan PTPTN.

**KELAYAKAN UMUM**

6. Terbuka kepada pendeposit **Simpan SSPN Prime** dan **Simpan SSPN Plus yang membuka akaun** atau **membuat penambahan simpanan** dalam tempoh kempen.
7. Kempen ini **TIDAK LAYAK** disertai oleh kakitangan PTPTN dan ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak).
8. **Kelayakan bilangan cabutan**

Produk	Simpanan Bersih	Bilangan Cabutan		
		Transaksi Berjaya Melalui Platform Selain myPTPTN & Potongan Gaji (PG)/ Debit Terus (DD)	Transaksi Berjaya Melalui myPTPTN	Transaksi Berjaya Melalui Potongan Gaji (PG)/ Debit Terus (DD)
Simpan SSPN Prime	RM50	1 cabutan	5X cabutan	5X cabutan
Simpan SSPN Plus	RM50 (simpanan + takaful)	2 cabutan	10X cabutan	10X cabutan

9. **Kelayakan Tambahan Bagi Cabutan WOW! Tahunan terbahagi kepada Tiga (3) Kategori Berikut:**

Kategori	Simpanan Bersih
Platinum	Minimum RM15,000.00 dan ke atas
Gold	Minimum RM8,000.00 – RM14,999.99
Silver	Minimum RM200.00 – RM7,999.99

10. Pendeposit digalakkan untuk melakukan **transaksi melalui myPTPTN/ Potongan Gaji (PG)/ Debit Terus (DD)** untuk mendapatkan ganjaran **cabutan berganda**.
11. Tiada had untuk bilangan cabutan.
12. Pendeposit perlu **memastikan akaun Simpan SSPN kekal aktif** dan **akaun Simpan SSPN Plus tiada tunggakan sehingga tarikh cabutan**.
13. Sekiranya berlaku kematian pendeposit dalam tempoh kempen, akaun itu masih layak untuk menyertai cabutan, tertakluk kepada terma dan syarat simpanan.

**HADIAH KEMPEN DAN TUNTUTAN HADIAH**

14. Pemenang kempen akan memenangi hadiah berikut:

**Hadiah Cabutan Siri**

Cabutan	Hadiah Tunai
WOW! Gong Xi Ang Pow	<b>Setiap kategori Cabutan Siri:</b> Utama : RM10,000 x 1 pemenang Saguhati : RM 500 x 180 pemenang
WOW! Syoknya Raya	
WOW! Kasih	
WOW! Merdeka	
WOW! Superheroes	

**Hadiah Cabutan WOW! Tahunan**

Pemenang	Hadiah
<b>Kategori: Platinum</b>	
<b>Utama</b>	Kereta Proton X90 Flagship x 1 pemenang
<b>Kedua</b>	Motosikal Yamaha MT09 x 2 pemenang
<b>Ketiga</b>	Tunai bernilai RM30,000 x 3 pemenang
<b>Saguhati</b>	Tunai bernilai RM1,000 x 20 pemenang
<b>Kategori: Gold</b>	
<b>Utama</b>	Kereta Proton X50 Flagship x 1 pemenang
<b>Kedua</b>	Motosikal Yamaha XMAX 250cc x 2 pemenang
<b>Ketiga</b>	Tunai bernilai RM20,000 x 3 pemenang
<b>Saguhati</b>	Tunai bernilai RM500 x 20 pemenang
<b>Kategori: Silver</b>	
<b>Utama</b>	Kereta Proton S70 Flagship X x 1 pemenang
<b>Kedua</b>	Motosikal Yamaha NVX 155cc x 2 pemenang
<b>Ketiga</b>	Tunai bernilai RM10,000 x 3 pemenang
<b>Saguhati</b>	Tunai bernilai RM300 x 20 pemenang

15. Pemenang akan dimaklumkan melalui surat/ e-mel/ panggilan telefon atau kaedah penyampaian lain yang bersesuaian. Nama-nama pemenang juga akan dipaparkan di laman portal rasmi PTPTN: [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my).
16. Hadiah berbentuk ganjaran tunai yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime di dalam tempoh **DUA (2) BULAN** dari tarikh cabutan.
17. Pelarasan **hadiah tunai akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime** pendeposit yang dibuka untuk diri sendiri. Jika pemenang tidak mempunyai akaun Simpan SSPN Prime yang dibuka untuk diri sendiri, pembukaan akaun akan dibuat berdasarkan kepada butiran sedia ada pendeposit di akaun Simpan SSPN Prime atau Simpan SSPN Plus.
18. Hadiah berbentuk ganjaran tunai yang dimenangi oleh pendeposit adalah **TIDAK LAYAK** untuk diambil kira bagi tujuan pengiraan pelepasan cukai. Pelepasan yang boleh dituntut adalah terhad kepada amaun tabungan bersih (jumlah caruman pendeposit) di dalam Simpan SSPN yang dilakukan oleh seseorang individu yang terhad kepada RM8,000 di dalam sesuatu tahun sahaja.
19. PTPTN akan melantik syarikat pembekal bagi urusan pembekalan dan penghantaran hadiah yang berbentuk kenderaan kepada pemenang. Kaedah pembekalan dan penghantaran akan ditentukan berdasarkan budi bicara mutlak PTPTN dari semasa ke semasa.
20. Pemenang bersetuju dan memberi kebenaran kepada PTPTN untuk berkongsi maklumat mereka kepada syarikat pembekal bagi tujuan pembekalan dan penghantaran hadiah dalam bentuk kenderaan.
21. PTPTN tidak memberi sebarang representasi atau jaminan berkenaan dengan kualiti dan/atau kesesuaian hadiah dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan sebarang hadiah yang hilang, dicuri atau cacat disebabkan kecacatan bahan atau buatan oleh syarikat pengeluaran di bawah tempoh jaminan atau sebaliknya. Pemenang perlu berurusan terus dengan pihak pembekal bagi maklumat jaminan atau tuntutan (sekiranya ada) tanpa membabitkan PTPTN.
22. Pemenang hendaklah bertanggungjawab ke atas cukai, kadar, kos insurans atau apa-apa caj yang boleh dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang, jika berkenaan.
23. Pemenang perlu menanggung semua kos tuntutan hadiah dan kehadiran ke majlis penyampaian hadiah, jika berkenaan.
24. Hadiah yang dimenangi tidak boleh ditukar atau dipindah milik sama ada sebahagian atau keseluruhannya kepada bentuk lain selain yang ditetapkan oleh PTPTN.
25. Jika hadiah yang dimenangi tidak dapat diperolehi atas apa jua sebab, PTPTN berhak menggantikan hadiah tersebut dengan hadiah yang lain yang sama nilai dengan hadiah yang dimenangi dengan memberikan notis kepada pendeposit yang layak sekurang-kurangnya empat belas (14) hari terdahulu. Kaedah pemberitahuan ini boleh dilakukan secara bertulis, melalui laman web rasmi PTPTN, media elektronik atau dipaparkan di cawangan-cawangan PTPTN.

26. Hadiah perlu dituntut oleh pemenang dalam tempoh **DUA BELAS (12) BULAN** dari tarikh cabutan. Pihak PTPTN tidak akan melayan sebarang tuntutan selepas tamat tempoh tersebut.
27. Sekiranya pemenang telah meninggal dunia, waris yang sah boleh menuntut hadiah dalam tempoh **DUA BELAS (12) BULAN** daripada tarikh cabutan.
28. Pemenang atau warisnya dianggap telah melepaskan hak mereka jika gagal menuntut hadiah dalam tempoh yang telah ditetapkan.
29. Keputusan pemenang yang diumumkan oleh PTPTN adalah muktamad. Sebarang surat menyurat, pertanyaan, rayuan, bantahan atau apa-apa cubaan untuk mempertikaikan keputusan adalah tidak akan dilayan bagi mana-mana situasi.

### **PERUNTUKAN UMUM**

30. Untuk mengambil bahagian dalam kempen ini, pendeposit mestilah termasuk dalam kriteria kelayakan dan memenuhi mekanisme kempen. Melainkan dinyatakan sebaliknya oleh pihak PTPTN, pendeposit tidak perlu menandatangani atau melengkapkan apa-apa borang permohonan untuk mengambil bahagian dalam kempen ini.
31. PTPTN berhak meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat dalam kempen ini sama ada secara keseluruhan dengan memberi notis awal melalui laman web rasmi PTPTN, media massa, paparan notis di cawangan-cawangan PTPTN atau apa-apa cara yang difikirkan sesuai sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar. Pindaan, pembatalan atau penambahan tersebut adalah dianggap mengatasi pernyataan seperti mana yang terkandung di dalam bahan promosi pengiklanan yang berkaitan dengannya.
32. Pendeposit adalah dinasihatkan untuk melayari laman sesawang PTPTN dari semasa ke semasa untuk menyemak terma-terma dan syarat-syarat untuk mengambil maklum atas sebarang perubahan atau pindaan kepada terma-terma dan syarat-syarat ini.
33. PTPTN berhak untuk meminda, membatalkan, menamatkan atau menggantungkan kempen ini dengan memberi notis secukupnya dalam tempoh empat belas (14) hari sebelum tarikh pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut. Kaedah pemberitahuan boleh dilakukan secara bertulis, melalui laman web rasmi PTPTN, media elektronik atau paparan notis di cawangan-cawangan PTPTN. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan kempen ini oleh PTPTN tidak akan memberi hak kepada mana-mana pendeposit yang menyertai kempen ini untuk membuat apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap PTPTN ke atas apa-apa dan/ atau keseluruhan kehilangan, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang ditanggung atau dialami oleh pendeposit sebagai kesan langsung atau tidak langsung daripada pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
34. PTPTN tidak bertanggungjawab ke atas penghantaran penyertaan yang lewat, hilang, tidak lengkap, tidak diserahkan, ditangguhkan, rosak atau salah arah sama ada disebabkan kesilapan, peninggalan, pengubahan, gangguan, penghapusan, kecurian, pemusnahan atau sebaliknya.

35. PTPTN berhak membatalkan sebarang penyertaan tanpa sebarang notis, sekiranya didapati pendeposit tidak layak dan tidak mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan.
36. Jika pemenang didapati tidak memenuhi syarat-syarat untuk mengambil bahagian dalam kempen ini atau menebus hadiah yang diberikan, PTPTN berhak untuk membatalkan atau mengambil semula hadiah dan menganugerahkan hadiah yang sama kepada pemenang yang lain sebagaimana yang ditentukan oleh PTPTN.
37. Penyertaan pendeposit dalam kempen ini adalah atas risiko pendeposit sendiri. PTPTN tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kecederaan, kehilangan, kerosakan atau tuntutan akibat penyertaan tersebut.
38. Segala terma dan syarat yang terdapat di dalam dokumen ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh PTPTN berhubung kempen ini adalah muktamad dan konklusif. PTPTN tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat.
39. Sekiranya terdapat percanggahan terma dan syarat kempen ini di dalam bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan dengan kempen ini, maka terma dan syarat di dalam laman web rasmi PTPTN adalah yang muktamad. Sebarang perkara mengenai kempen yang tidak dinyatakan dalam terma dan syarat adalah bergantung kepada budi bicara mutlak pihak PTPTN.
40. PTPTN boleh menggunakan penyertaan pendeposit termasuk tanpa terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan promosi (secara kolektif dinamakan "Bahan"), dan nama pendeposit, dan/ atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan promosi mana-mana barangan atau perkhidmatan PTPTN, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Pendeposit hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh PTPTN.
41. Segala surat-menyurat yang dihantar ke alamat terakhir mengikut rekod PTPTN dianggap telah diserahkan kepada pendeposit.

*Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma & Syarat penuh kempen **Cabutan WOW! Simpan SSPN 2024***

***Maklumat dikemaskini pada 29 Disember 2023***